

09/03/2004

Pilihan raya: SIC rangka strategi baru

Maizura Ismail

PENGANJUR kejohanan Formula 1 (F1) Grand Prix Malaysia Petronas, Litar Antarabangsa Sepang (SIC), merangka strategi bagi memastikan pengundi sempat menyaksikan perlumbaan itu pada sebelah petang, selepas membuang undi pada waktu pagi.

Strategi berkenaan membabitkan jaringan pengangkutan awam dan kawalan lalu lintas yang efektif bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas pada hari perlumbaan itu yang jatuh pada hari mengundi 21 Mac ini.

Berbanding penganjuran tahun-tahun sebelum ini, di mana penonton mula menuju ke litar seawal jam 7 pagi, penonton F1 dijangka bertolak ke litar di Sepang dekat sini selepas membuang undi di kawasan masing-masing.

Ini dijangka akan menyebabkan masalah lalu lintas apabila penonton bersesak untuk sampai ke litar sebelum jam 3 petang iaitu masa perlumbaan F1 dimulakan, Ahad itu.

Menyedari masalah berkenaan, Pengerusi SIC, Datuk Mokhzani Mahathir berkata kunci utama ialah sistem pengangkutan yang efisien ke sirkit termasuk perancangan khas dengan polis trafik bagi memastikan perjalanan penonton lancar.

Berikutan perancangan itu, penonton yang ingin menggunakan pengangkutan awam ke Litar Antarabangsa Sepang, boleh menaiki koc lapangan terbang dari Stesen Bas Jalan Duta yang bertolak setiap satu jam, Stesen Star-LRT Chan Sow Lin (setiap satu jam), Stesen Bas Nilai (setiap 20 minit) dan Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) (setiap 30 minit).

Mereka juga boleh menaiki bas Sepang Omnibus dari KLIA atau Stesen Bas Nilai, kedua-duanya disediakan setiap 30 minit. Perkhidmatan tren Express Rail Link (ERL) turut dilanjutkan hingga 1 pagi.

"Perkhidmatan helikopter juga menjadi bahagian penting operasi kami sejak lima penganjuran lalu. Tahun ini, ia akan menjadi lebih penting terutama bagi membawa segmen penonton tertentu. Kita ada tujuh helipad bagi mengendalikan permintaan orang ramai, sama ada dari Lapangan Terbang Sungai Besi atau Lapangan Terbang Subang ke SIC.

"Kita juga akan berbincang dengan Penerbangan Malaysia (MAS) dan Air Asia supaya mereka meningkatkan kekerapan penerbangan ke destinasi tempatan pada 21 Mac, berdasarkan permintaan," katanya pada sidang akhbar di litar itu, semalam.

Bagi mencapai sasaran 120,000 penonton menyaksikan acara tahunan itu kali ini walaupun bertembung dengan pilihan raya, Mokhzani berkata pihaknya merangka strategi termasuk meningkatkan promosi di negara lain terutama Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei dan Afrika Selatan.

Beliau yang mengakui pertembungan tarikh itu menjejaskan strategi pemasaran F1, bagaimanapun, berkata tiada sebab mengapa pengundi tidak boleh mengundi pada waktu pagi dan masih berada di litar Sepang sebelum jam 3 petang untuk menyaksikan perlumbaan itu.

"Pada Ahad, 21 Mac, perlumbaan Formula 1 (F1) Grand Prix Malaysia Petronas hanya akan bermula pada jam 3 petang. Tiada sebab mengapa penonton tidak boleh mengundi pada sebelah pagi. Tiada sebab kejohanan tahun ini tidak boleh mencapai sasaran.

"Ini satu cabaran baru bagi penganjur. Dalam sejarah, di mana-mana saja seluruh dunia, tidak pernah berlaku penganjuran F1 pada hari pilihan raya umum. Timbul isu pertembungan ini akan mengganggu strategi, tetapi ia tidak akan halang penonton dari menyaksikannya," katanya .

Beliau yang mengesahkan penyampaian hadiah masih akan dilakukan oleh

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, turut menasihatkan penonton supaya tidak membawa masuk poster atau bendera parti politik atau menggunakan acara itu untuk berkempen.